

Kalau berdisiplin kenapa boo orang?

MING. M. 30 MAC 1975

SHAH ALAM 29 Mac — "Apakah boo mula-mula tadi menunjukkan pelajar-pelajar sudah cukup disiplin?" Tanya Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir dalam satu majlis forum di Institut Tekno'oji MARA malam tadi.

5 Forum itu atas tajuk "Sistem Pelajaran Malaysia dan peranannya membentuk sebuah masyarakat progresif" disertai oleh Prof. Syed Naguib dan bekas Presiden KSITM, Encik Hussein Abdul Rahman.

Ketika Dr. Mahathir mula bangun kedengaran dari sebilangan para pelajar "boo, boo." Beliau sendiri segera meneriak "boo" bersama pelajar-pelajar itu.

Kemudian dalam masa soal jawab ketika seorang pelajar bertanya tidakkah pelajar-pelajar sekarang sudah cukup disiplin. Dr. Mahathir lantas menjawab:

Masyarakat adil

"Kita fikirkan misalnya yang paling senang sekali. Adakah boo mula-mula tadi menunjukkan kita sudah cukup disiplin?"

"Pelajar-pelajar berkenaan kemudian terpegun dengan jawapannya itu.

Sebelum ini beliau menjelaskan bahawa apa yang ada ialah sistem politik yang mengendahkan pelajaran supaya memenuhi hasrat masyarakat adil dan seimbang di antara kaum-kaum.

"Jika dibiarkan pelajaran negara ini berjalan dengan sistemnya cara bersendirian hasrat perpaduan dan persefahaman antara kaum tidak akan wujud," tegasnya.

Dr. Mahathir memberitahu, langkah kerajaan membuka peluang seluas-luasnya di bidang pelajaran kepada Bumiputera bukan kerana pilih kasih.

Katanya selepas tahun 1969 kerajaan menyedari peluang-peluang pelajaran dan usaha-usaha lain haruslah dibuka seluas-luasnya kepada kaum Bumiputera supaya mereka tidak lagi ketinggalan di belakang.

"Fakikat ini telah juga dipersetujui dan diterima oleh parti-parti politik dan lain-lain

OLEH: YUSOF JALIL

plhak di negara ini dengan kesedaran bahawa perpaduan dan persefahaman yang berkeadilan antara kaum hanya dapat wujud sekiranya tidak terdapat jurang perbezaan antara kaum," katanya.

Prof. Syed Naguib Al Attas dalam hujahnya pula sungguhpun bersejuru dengan pelaksanaan sistem pelajaran sekarang tetapi tidak bersetuju dengan konsep ilmu pengetahuan yang diajarkan itu.

Banyak konsep ilmu dan kepercayaan yang salah telah dimasukkan oleh sistem pelajaran barat kepada kita.

Menurut beliau, masyarakat progresif tidak akan terbentuk di Malaysia sekiranya sistem pelajaran penjajah atau barat terus digunakan.

"Memang ada perubahan-perubahan dalam pelajaran negara ini tetapi landasannya tetap juga dari barat. Inilah sebabnya ada kegelisahan timbul di kalangan pelajar-pelajar," tambah beliau.

Beliau mengesyorkan supaya inti dalam sistem pelajaran kita haruslah sesuai dengan jiwa agama dan kebudayaan kita untuk menjadikan masyarakat progresif ini lebih bermakna.

Beri peluang

Sebelum itu bekas Naib Presiden Kesatuan Siswa-Siswi ITM, Encik Hussein Abdul Rahman berkata sistem pelajaran negara ini haruslah jelas dari segi falsafah dan isi kandungannya.

Sistem itu juga hendaklah memberi peluang dan kebebasan kepada para pelajar untuk membicarakan masalah-masalah masyarakat dan bukannya untuk mengkhayalkan pelajaran-pelajaran mereka, katanya.

Di akhir forum itu yang dihadiri oleh lebih dari 1,500 pelajar, Dr. Mahathir telah dihujani oleh berbagai-bagai soalan.

Seorang pelajar telah bertanya kenapa kebebasan mereka disekat dan membuat misalan setengahnya di tangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri setelah tunjuk perasaan baru-baru ini.

Dr. Mahathir menjawab, mereka kenalah menghadapi perkara seumpama itu kalau hendak berjuang. Beliau sendiri pun pernah kena tahan dulu. Kalau besar perjuangan kenalah besar pengorbanan, katanya.

Seorang pelajar pula mendakwa bahawa Dr. Mahathir tidak tegas dalam kenyataannya menarik biasiswa. Menurutnya di kampung beliau bercakap lain, dalam akhbar lain dan di depan pelajar-pelajar lain.

Jawab Dr. Mahathir, juga pendek: "Baiklah, sekarang begini: Sama ada di depan pelajar, depan orang kampung atau depan akhbar saya akan tarik biasiswa itu."